

UIA anjur sidang Persatuan Universiti Negara Islam

UM 21 MAR 2001

KUALA LUMPUR 20 Mac — Universiti Islam Antarabangsa (UIA) akan menjadi pengangjur persidangan umum dan persidangan peringkat eksekutif Persatuan Universiti Negara Negara Islam (FUIW) dari 15 hingga 19 April ini.

Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UIA Datuk Dr Jamil Osman berkata persidangan FUIW terbahagi kepada dua iaitu persidangan peringkat eksekutif yang diadakan setahun sekali dan persidangan umum yang diadakan tiga tahun sekali.

Menurut beliau persidangan kali kedua ini akan disertai oleh 130 canselor presiden dan rektor universiti yang menjadi ahli FUIW. Persidangan pertama FUIW ialah pada tahun 1998 di Maghribi.

Persidangan umum ini bertujuan membentangkan hasil perbincangan peringkat eksekutif katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Gombak dekat sini hari ini.

Beliau menjelaskan mesyuarat eksekutif 15 hingga 16 April bertempat di Hotel Legend Kuala Lumpur manakala persidangan umum bermula pada 17 hingga 19 April di tempat yang sama.

Katanya perasmian persidangan umum pada 17 April akan diadakan serentak dengan perasmian UIA yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertempat di Pusat Aktiviti Kebudayaan Dewan Besar UIA.

Menurut Jamil secara amnya FUIW bertujuan menjaga kebajikan dan keperluan universiti Islam di seluruh dunia dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan perpaduan ummah.

Beliau menambah sehingga kini FUIW dianggotai oleh 148 negara Pertubuhan Persidangan Negara Negara Islam (OIC) dan lapan universiti dari negara bukan anggota OIC.

Bersempena persidangan itu FUIW akan mengadakan satu pameran pendidikan di Dewan Besar UIA 17 hingga 19 April.

Pameran itu bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat negara ini mengenai peluang pendidikan di lain-lain negara Islam.

Abdullah Ahmad Badawi

Dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini menyatakan antara perkara yang dibincangkan dalam seminar itu ialah bentuk masalah prospek dan implikasi globalisasi terhadap kehidupan sosio budaya yang melibatkan nilai dan gaya hidup penidangan media serta konsep negara bangsa.

Turut dibincangkan ialah cadangan bagaimana umat Islam boleh mengambill peluang daripada kesan positif globalisasi dalam bidang kehidupan tersebut.

Dalam pada itu peserta juga akan membincangkan cadangan bagaimana umat Islam sepatutnya menghadapi kesan negatif globalisasi berdasarkan al Quran dan al Sunah.

Orang ramai yang berminat menyertai seminar itu akan dikenakan bayaran sebanyak RM300 setiap orang manakala pelajar percuma.

Sementara itu peserta kumpulan yang terdiri sekurang-kurangnya empat orang akan diberikan diskaun lima peratus.

Semua bayaran hendaklah dibuat melalui IKIM 2 Langgak Tuanku Off Jalan Duta 50480 Kuala Lumpur.

Sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang seminar itu boleh menghubungi Sarina Othman atau Mohd Shahriza Sulaiman melalui talian 03 62010889 atau faks 03 62014189 atau e-mel sarina@kim.gov.my atau shahriza@kim.gov.my.